

**Jurnal Qiraat**

Fakulti Pengajian Peradaban Islam,
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)
Bandar Seri Putra, 43000 Kajang Selangor
2021, VOL 4, Bil 2, Halaman 41-50

**KAEDAH MURAJA'AH HAFAZAN AL-QURAN YANG DIAPLIKASI
OLEH PARA PELAJAR TAHFIZ MARSAH
[Muraja'ah Techniques Of The Quran Among Students Tahfiz Marsah]**

Mohd Nazir Kadir^{1*}, Muhammad Yaslam Yauzi²,

Dzakiah Al Miskiah Mohamed Salleh³ & Wan Mohd Hazani Wan Ibrahim⁴

¹ Ketua Pusat Islam, Kolej Pengajian Islam Johor (MARSAH), 80350, Larkin Jaya, Johor Bahru.

² Mahasiswa Program Tahfiz Al-Qur'an Wa Al Qiraat, Kolej Pengajian Islam Johor (MARSAH), 80350, Larkin Jaya, Johor Bahru.

³ Pensyarah Sekolah Pendidikan & Pengajian Umum, Kolej Pengajian Islam Johor (MARSAH), 80350, Larkin Jaya, Johor Bahru.

⁴ Ketua Program Pengajian Islam, Kolej Pengajian Islam Johor (MARSAH), 80350, Larkin Jaya, Johor Bahru.

* Corresponding Author: Mohd Nazir Kadir. Ketua Pusat Islam, Kolej Pengajian Islam Johor (MARSAH), 80350, Larkin Jaya, Johor Bahru (nazir@marsah.edu.my)

ABSTRACT

Memorizing the Quran is not an easy task, it even requires great sacrifice. This process requires a high level of commitment, continuous effort, and heavy responsibility, especially involving the process of caring for the Quran for students who have finished memorizing the Quran. Some research that has been conducted have found that the achievement of tahfiz students has not yet achieved the objectives of tahfiz education that have been outlined. Therefore, a study needs to be done to find out the method of muraja'ah memorization of the Quran applied by the students of the Diploma in Diploma Tahfiz Al-Qur'an Wa Al Qiraat, Kolej Pengajian Islam Johor (MARSAH). This study is a quantitative study that is described descriptively to review the method of muraja'ah memorization of the Quran among student tahfiz as many as 110 respondents. The implications of this study are important to create awareness of the importance of the muraja'ah appreciation of memorizing the Quran among students so that every verse that has been memorized is always preserved in memory. This study is a quantitative study that is described descriptively to review the method of muraja'ah memorization of the Quran among student tahfiz as many as 110 respondents. The implications of this study are important to create awareness of the importance of the muraja'ah appreciation of memorizing the Quran among students so that every verse that has been memorized is always preserved in memory.

Keywords

Muraja'ah Memorization Techniques, Memorization Qur'an, Tahfiz, Diploma In Tahfiz



ABSTRAK

Menghafaz al-Quran bukan suatu kerja yang mudah, bahkan memerlukan kepada pengorbanan yang besar. Proses ini memerlukan komitmen yang tinggi, usaha yang berterusan serta tanggungjawab yang berat terutama melibatkan proses penjagaan al-Quran bagi pelajar yang telah tamat menghafaz al-Quran. Sesetengah kajian yang telah dijalankan mendapati bahawa pencapaian pelajar tahfiz masih belum mencapai objektif pendidikan tahfiz yang telah digariskan. Justeru satu kajian perlu dilakukan untuk mengetahui kaedah *muraja'ah* hafazan al-Quran yang diaplikasi oleh para pelajar Diploma Tahfiz Al-Qur'an Wa Al Qiraat, Kolej Pengajian Islam Johor (MARSAH). Kajian ini merupakan kajian kuantitatif yang dihuraikan secara deskriptif untuk meninjau kaedah *muraja'ah* hafazan al-Quran dalam kalangan pelajar tahfiz seramai 110 orang responden. Implikasi kajian ini penting untuk mewujudkan kesedaran pentingnya penghayatan *muraja'ah* hafazan al-Quran dalam kalangan mahasiswa agar setiap ayat yang telah dihafaz sentiasa dipelihara dalam ingatan. Tambahan pula, ia dapat melahirkan umat Islam yang mampu menghafaz al-Quran secara keseluruhan dan memaksimumkan potensi dalam beramal sebagaimana yang diterapkan oleh al-Quran.

Kata kunci

Teknik Muraja'ah Hafazan; Hafazan Al-Quran; Tahfiz; Diploma Tahfiz

1.0 PENDAHULUAN

Al-Quran merupakan kitab petunjuk kepada seluruh manusia dalam memperolehi membimbing setiap muslim supaya menjadi mukmin berkeperibadian mulia dalam masyarakat. Penurunan al-Quran kepada Nabi Muhammad SAW antara tujuannya untuk menyelesaikan permasalahan yang dihadapi oleh umat. Baginda bukan hanya mengajar al-Quran untuk dibaca semata, bahkan untuk dihafaz dan difahami serta diamalkan isi kandungannya. Shafee Salihin, (2018) menyatakan bahawa menghafaz adalah salah satu kaedah yang penting dalam mendalami ilmu al-Quran, memerlukan kekuatan fikiran pada orang yang melakukannya. Sementara menghafaz sesuatu yang dipelajari dan mengasah ingatan melalui hafazan adalah cara yang paling baik untuk mengekalkan ingatan dan kecerdasan otak (Yusri Bin Chek & Muhammad Toriq Bin Yaacob, 2016). Namun penjagaan hafazan dan pengulangan sentiasa dilakukan agar hafazan al-Quran tidak mudah lupa dan sentiasa kekal dalam ingatan.

Demikianlah ketika sudah sempurna dalam menghafaz kita tidak akan berhenti di situ saja, melainkan kita harus tetap memelihara hafazan yang telah susah payah kita hafaz sebelumnya, dalam proses pengulangan ini biasanya disebut dengan metode *muraja'ah* (M. Ilyas, 2020). Begitu juga Siti Suriyani dan Ahmad Yunus (2018) menukilkan daripada Al-Shabuni, 1980 menyatakan bahawa Rasulullah sangat komited menghafaz al-Quran sehingga kedua-dua kakinya bengkak disebabkan banyak melakukan qiamullail dengan membaca al-Quran di dalam sholat sepanjang malam sebagaimana firman Allah dalam ayat 1-4, surah *al-Muzammil*. Tambahan juga, tanggungjawab menjaga hafazan al-Quran tidak boleh dipandang remeh oleh pelajar tahfiz al-Quran kerana ia bukan suatu yang mudah bahkan perlu kepada mujahadah untuk sentiasa *muraja'ah* supaya kualiti hafazan al-Quran lebih terjaga. Proses penjagaan al-Quran perlu kepada pengukuhan kaedah *muraja'ah* yang bersistematik kerana sifat al-Quran itu mudah dilupai (Muhammad Syafee Salihin Hasan et.al, 2019).

Untuk menguatkan ingatan yang kekal, para pelajar perlu *muraja'ah* hafazan al-Quran dengan kerap. Wan Ahmad Zakry Wan Kamaruddin et.al (2021) menukilkan daripada Al-Ghawthāni (1998) bahawa sesi *muraja'ah* amatlah



penting dan lebih sukar berbanding menghafaz. Menurut beliau lagi, menghafaz memerlukan sedikit motivasi berbanding *muraja'ah* yang memerlukan kesungguhan, sabar, kekal dan berterusan terutama sekali pada peringkat awal untuk menguatkan hafazan. Oleh yang demikian, apabila pelajar sudah berjaya menamatkan tahap-tahap tertentu hafazan, sesi *muraja'ah* perlu dilakukan agar hafazan yang lama tetap utuh.

Pada masa kini, kesedaran masyarakat Islam terhadap kepentingan anak-anak membaca dan menghafaz al-Quran semakin meningkat. Justeru, bagi memenuhi tuntutan ibu bapa yang cenderung kepada aliran tahfiz, pelbagai pihak sama ada kerajaan mahu pun swasta telah menubuhkan beberapa sekolah aliran tahfiz atau mewujudkan beberapa program tahfiz. Mengikut portal rasmi Jabatan Agama Islam Johor (JAINJ) mendapati jumlah madrasah tahfiz yang berdaftar sebanyak 101 buah, Johor Bharu: 32, Muar: 15, Batu Pahat: 12, Kluang: 10, Kota Tinggi: 6, Kulai: 4, Mersing: 3, Pontian: 4, Segamat: 7, Tangkak: 8 (<https://jainj.johor.gov.my/e-pendidikan-agama-islam-senarai-sts/> (Dicapai pada 10 Sept. 2021)). Walau bagaimanapun dari sumber lisan mengatakan jumlah terkini adalah lebih semakin meningkat. Namun tidak dinafikan madrasah-madrasah tahfiz yang masih belum berdaftar juga masih banyak lagi. Oleh itu berdasarkan kuantiti tersebut kesimpulan awal dapat dinyatakan bahawa kecenderungan ibu bapa dan para pelajar dalam bidang tahfiz semakin mendapat sambutan dan mempunyai potensi lebih di masa hadapan. Oleh itu pengkaji merasakan keperluan menjalankan satu kajian terhadap pelajar Tahfiz di Kolej Pengajian Islam Johor (MARSAH) bagi mengetahui teknik *muraja'ah* yang diterapkan oleh para pelajar dalam menjaga mutu hafazan al-Quran.

2.0 LATAR BELAKANG KAJIAN

Kitab al-Quran diturunkan bukan sekadar dituntut untuk dibaca, dikaji, difahami dan diamalkan, malah tuntutan juga untuk dihafaz, tidak kira sama ada secara keseluruhan atau pun sebahagiannya. Sama ada surah-surah tertentu ayat ayat-ayat. Sejak dari zaman Rasulullah SAW sehingga hari kiamat, al-Quran pasti akan terus terpelihara kerana itu adalah jaminan Allah SWT. Salah satu proses pemeliharaan al-Quran adalah melalui penghafalan ayat-ayat suci al-Quran (Abd Rahman Abd Ghani et.al, 2017). Tidak dinafikan lupa adalah sebahagian daripada sifat manusia. Terdapat sebuah hadis yang diriwayatkan oleh al-Bukhari (no. 5033) dan Muslim (no. 791) bahawa baginda SAW. bersabda bermaksud: “Peliharalah al-Quran ini, demi Tuhan yang nyawa Muhammad berada dalam tangan-Nya, ia lebih mudah terlepas berbanding unta yang terikat pada talinya” (Al-Nawawi, 1991). Walaupun keutamaan menghafaz al-Quran diketahui umum, namun terdapat segelintir pelajar yang masih tidak menguasai kaedah-kaedah *muraja'ah* agar hafazan tetap kukuh dalam ingatan.

Zainora Daud et.al, menukulkan daripada Utusan Malaysia Online, bahawa cabaran bergelar al-hafiz adalah untuk mengingatkan semua ayat-ayat hafazan di samping untuk memelihara diri daripada sifat-sifat *mazmumah* dan menjauhkan perkara-perkara maksiat di dalam mengukuhkan ayat-ayat hafazan. Bahkan faktor diri sendiri, sikap, disiplin yang tinggi, cara hidup, suasana persekitaran sangat menyumbang dalam pengukuhan ayat-ayat hafazan (Zainora Daud et.al, 2016). Selain itu masalah yang sering dialami oleh para penghafaz al-Quran di peringkat universiti terutamanya untuk *muraja'ah* hafazan ialah corak kehidupan para huffaz lebih memfokuskan kepada isu berkaitan pelajaran dan penyesuaian masa dengan pelbagai aktiviti di universiti. Persekitaran di universiti memberikan impak yang signifikan terhadap gelagat *muraja'ah* al-Quran dalam kalangan siswa sama ada secara positif ataupun negatif. Pengaruh persekitaran ini adalah sesuatu yang serius kerana ia membawa kesan jangka pendek dan jangka panjang kepada prestasi hafazan mereka. Adalah sangat idealistik untuk menempatkan para huffaz dalam satu kediaman khas kerana perkara ini tidak selari dengan semangat perpaduan dan menjadi halangan utama pembinaan jaringan sosial di universiti (Fatimah Zaharah et.al, 2020).



Dalam pemerhatian kajian yang dijalankan oleh Nor Hafizi Yusof (2020), masalah utama yang dihadapi oleh pelajar ialah tidak mempunyai kesedaran, disiplin masa dan kaedah yang konsisten untuk murajaah al-Quran. Hal ini kerana hafazan dan *muraja'ah* al-Quran memerlukan peruntukan masa yang banyak bagi memastikan mereka dapat menghafaz dengan baik seterusnya mengekalkan hafazan tersebut.

3.0 PENGENALAN KOLEJ PENGAJIAN ISLAM JOHOR (MARSAH)

Penubuhan awal program tahfiz al-Quran di Kolej Pengajian Islam Johor (MARSAH) bermula pada tahun 1987 bertepatan dengan Maal Hijrah 1407 iaitu penubuhan Maahad Tahfiz al-Quran wal-Qiraat di Johor Bharu di bawah pengurusan Majlis Agama Islam Negeri Johor. Maahad Tahfiz al-Quran wal-Qiraat, Majlis Agama Islam Johor ketika itu merupakan cawangan Darul Quran (DQ) atau disebut MTQN. Kemudian pada tahun 1999 Maahad Tahfiz al-Quran Negeri Johor ditempatkan di Pusat Pengajian Islam dan Bahasa Arab, kini dikenali dengan Kolej Pengajian Islam Johor (MARSAH) (Buletin MARSAH, 2014).

Pada 15 Jun 1997, Rektor Universiti Al-Azhar Al-Syarif telah membuat lawatan ke Maahad Johor atas undangan Majlis Agama Islam Johor. Pada waktu itu, Bahagian Pendidikan Jabatan Agama Johor telah memajukan permohonan kepada Rektor Universiti Al-Azhar Al-Syarif untuk menaiktaraf pengajian di Ma'ahad Johor dengan mengadakan program kuliah berkembar dengan Universiti Al-Azhar Al-Syarif. Berdasarkan kepada maklumbalas yang postif dari Universiti tersebut, YB Dato' Hj Abdul Kadir bin Annuar, Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Islam Negeri Johor pada ketika itu, mewakili YAB Menteri Besar Johor telah mengetuai rombongan kerajaan negeri untuk memeterai Perjanjian Persefahaman dengan Universiti Al-Azhar Al-Syarif di INSANIAH Kedah Darul Aman dan seterusnya menubuhkan sebuah institusi pengajian tinggi (IPT) bagi melaksanakan program kuliah berkembar dengan Fakulti Al-Dirasat Al-Islamiah Wal 'Arabiah pada tahun 11 November 1997 dengan nama Pusat Pengajian Islam dengan Bahasa Arab (MARSAH) atau "Markaz al-Dirasat al-Islamiah wa al-'Arabiah bi Wilayah Johor". Nama ini melalui beberapa pertukaran yang akhirnya melihat kepada pendaftaran institusi ini di bawah Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia dengan menggunakan nama "KOLEJ PENGAJIAN ISLAM JOHOR (MARSAH)" dan seterusnya mendapat akreditasi dari Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) dalam kesemua kursus-kursus yang dijalankan pada tahun 2011 (<http://portal.marsah.edu.my/>).

Langkah kerjasama awal dengan Darul Quran telah mula dijalinan sejak tahun 1986. Bagi mengembangkan pengajiannya pada 22 Mei 2008, MARSAH telah mengadakan perjanjian persefahaman dengan Darul Quran (Muhammad Toriq & Abdul Razak, 2018). Kini Diploma Tahfiz Al-Qur'an Wa Al Qiraat berdiri dengan sendirinya dengan pengiktirafan oleh MQA yang bermula pada tarikh 27/06/2011 (portal rasmi MQA, 2020).

4.0 PERSOALAN KAJIAN

Berdasarkan latar belakang kajian yang dinyatakan, timbul beberapa persoalan iaitu:

- i. Apakah kaedah *muraja'ah* hafazan al-Quran yang diaplikasi oleh pelajar tahfiz MARSAH?
- ii. Apakah kekerapan *muraja'ah* hafazan al-Quran yang lakukan oleh mereka?

5.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian kuantitatif yang dihuraikan secara deskriptif. Pengkaji menggunakan dua sumber iaitu primer dan sekunder. Sumber primer dalam kajian ini ialah melalui data yang dikumpulkan dalam borang soal selidik. Sumber sekunder yang digunakan iaitu kaedah kepustakaan untuk menyokong hujah-hujah yang dinyatakan



oleh pengkaji bagi melengkapkan kajian ini. Seterusnya borang soal selidik diedarkan kepada 110 responden dengan menggunakan borang soal selidik *google forms* secara dalam talian. Responden kajian adalah para pelajar semester 2 hingga 6 bagi Program Tahfiz al-Qur'an Wal Qiraat, MARSAH sesi tahun 2019/2020. Pemilihan responden adalah secara rawak tanpa membezakan latarbelakang demografi jantina iaitu seramai 50 orang pelajar daripada semester 2, seramai 5 orang pelajar daripada semester 3, seramai 16 orang pelajar daripada semester 4, seramai 4 orang pelajar daripada semester 5 dan seramai 35 orang pelajar daripada semester 6.

Soal selidik dibentuk dengan mengandungi suatu bahagian sahaja iaitu teknik yang sesuai untuk digunakan dan masa yang sesuai muraja'ah hafazan al-Quran. Manakala tahap persetujuan adalah mengikut skala Likert lima point iaitu 1 = sangat tidak setuju, 2 = tidak setuju, 3 = kurang setuju, 4 = setuju, 5 = sangat setuju. Seterusnya pengukuran bagi menilai interpretasi nilai min adalah seperti Jadual di bawah.

Jadual 1

Nilai min	Interpretasi
1.0 – 2.0	Sangat rendah
2.1 – 3.0	Rendah
3.1 – 4.0	Sederhana
4.1 – 5.0	tinggi

6.0 PERBINCANGAN

Data berikut adalah hasil borang soal selidik yang telah diedarkan kepada responden. Tumpuan kajian ini adalah di MARSAH, merangkumi pelajar Diploma Tahfiz Al-Qur'an Wa Al Qiraat semester 2 – 6 melalui aplikasi *google forms* secara dalam talian. Bilangan responden bagi kajian ini seramai 110 orang pelajar. Berdasarkan borang soal selidik yang diedarkan berikut adalah dapatan hasil kajian beserta perbincangan.

Jadual 2 : Kaedah *Muraja'ah* Hafazan Al-Quran

Bil	Pernyataan	STS	TS	KS	S	SS	Min
1.	Saya akan <i>muraja'ah</i> hafazan al-Quran dengan guru mengikut jadual yang ditetapkan.	3.6% (4)	8.2% (9)	28.2% (31)	37.3% (41)	22.7% (25)	3.67
2.	Saya akan mencari kawan sebagai guru semakan pengulangan al-Quran.	5.5% (6)	2.7% (3)	30.9% (34)	37.3% (41)	23.6% (26)	3.70
3.	Saya gemar <i>muraja'ah</i> hafazan al-Quran secara bersendirian mengikut masa yang saya aturkan sendiri.	1.8% (2)	6.4% (7)	18.2% (20)	41.8% (46)	31.8% (35)	3.95
4.	Masa yang sesuai untuk <i>muraja'ah</i> adalah pada awal pagi.	2.7% (3)	0.9% (1)	21.8% (24)	32.7% (36)	41.8% (46)	4.10
5.	Saya berusaha untuk memahami makna bagi setiap ayat ulangan bagi memudahkan proses <i>muraja'ah</i> hafazan al-Quran.	2.7% (3)	4.5% (5)	30.9% (34)	39.1% (43)	22.7% (25)	3.74
6.	Saya akan meletakkan tanda pada ayat al-Quran yang sering saya lupa semasa	3.6% (4)	8.2% (9)	26.4% (29)	29.1% (32)	32.7% (36)	3.79

	<i>muraja'ah</i> hafazan al-Quran.						
7.	Saya <i>muraja'ah</i> hafazan mengikut juzu'.	2.7% (3)	4.5% (5)	16.4% (18)	44.5% (49)	31.8% (35)	3.98
8.	Saya <i>muraja'ah</i> hafazan mengikut maqra'.	5.5% (6)	10.9% (12)	30% (33)	29.1% (32)	24.5% (27)	3.56
9.	Saya <i>muraja'ah</i> hafazan mengikut halaman.	7.3% (8)	9.1% (10)	22.7% (25)	33.6% (37)	27.3% (30)	3.64
10.	Saya <i>muraja'ah</i> hafazan al-Quran dalam solat.	1.8% (2)	15.5% (17)	34.5% (38)	30% (33)	18.2% (20)	3.47
11.	Saya gemar <i>muraja'ah</i> hafazan al-Quran di surau atau masjid.	8.2% (9)	10% (11)	38.2% (42)	22.7% (25)	20.9% (23)	3.38
12.	Saya gemar <i>muraja'ah</i> hafazan al-Quran di rumah.	1.8% (2)	6.4% (7)	40% (44)	31.8% (35)	20% (22)	3.61
13.	Tempoh untuk <i>muraja'ah</i> hafazan al-Quran dalam sehari selama 30 minit.	6.4% (7)	12.7% (14)	34.5% (38)	33.6% (37)	12.7% (14)	3.33
14.	Tempoh untuk <i>muraja'ah</i> al-Quran dalam sehari selama 1 jam.	4.5% (5)	13.6% (15)	30.9% (34)	30.9% (34)	20% (22)	3.48
15.	Tempoh untuk <i>muraja'ah</i> hafazan al-Quran dalam sehari selama lebih 1 jam.	6.4% (7)	9.1% (10)	24.5% (27)	30.9% (34)	29.1% (32)	3.67
16.	Saya akan <i>muraja'ah</i> hafazan pada masa yang terluang.	2.7% (3)	10% (11)	22.7% (25)	47.3% (52)	17.3% (19)	3.66
17.	Saya akan berusaha menghabiskan <i>muraja'ah</i> hafazan al-Quran sebagaimana yang ditetapkan dalam sehari.	0.9% (1)	8.3% (9)	25.7% (28)	42.2% (46)	22.9% (25)	3.78
18.	Saya <i>muraja'ah</i> hafazan al-Quran mengikut <i>mood</i> .	7.3% (8)	5.5% (6)	30.9% (34)	33.6% (37)	22.7% (25)	3.59
19.	Saya akan rasa bersalah jika tidak <i>muraja'ah</i> hafazan al-Quran.	0.9% (1)	1.8% (2)	20% (22)	40.9% (45)	36.4% (40)	4.10

Jumlah Keseluruhan Min 3.69

Jadual 2 menunjukkan bahawa jumlah keseluruhan daripada pernyataan yang diberikan mendapati bahawa kaedah *muraja'ah* hafazan al-Quran berada pada tahap yang sederhana iaitu (min = 3.69) dengan merujuk kepada nilai interpretasi. Pernyataan yang mempunyai nilai min paling tinggi adalah pernyataan ke 4 iaitu “masa yang sesuai untuk *muraja'ah* adalah pada awal pagi” (min = 4.10) yang berada pada tahap yang tinggi. Daripada bilangan dan peratusan menunjukkan bahawa seramai 46 orang bersamaan 41.8% menyatakan sangat setuju, seramai 36 orang bersamaan 32.7% menyatakan setuju, seramai 24 orang bersamaan 21.8% menyatakan kurang setuju, seramai seorang bersamaan 0.9% menyatakan tidak setuju dan seramai 3 orang bersamaan 2.7% menyatakan sangat tidak setuju. Ini bermakna pelajar lebih menyukai *muraja'ah* hafazan pada awal pagi.

Seterusnya nilai min yang paling tinggi juga adalah pernyataan ke 19 iaitu “saya akan rasa bersalah jika tidak melakukan *muraja'ah* hafazan al-Quran” (min = 4.10) yang berada pada tahap yang tinggi. Daripada bilangan dan peratusan menunjukkan bahawa seramai 40 orang bersamaan 36.4% menyatakan sangat setuju, seramai 45 orang



bersamaan 40.9% menyatakan setuju, seramai 22 orang bersamaan 20% kurang setuju, seramai 2 orang bersamaan 1.8% menyatakan tidak setuju, seramai seorang bersamaan 0.9% menyatakan sangat tidak setuju.

Sementara itu nilai min yang pada tahap sederhana ialah “saya *muraja’ah* hafazan mengikut juzu’(min=3.98), “saya gemar *muraja’ah* hafazan al-Quran secara bersendirian mengikut masa yang saya aturkan sendiri” (min=3.95), “saya akan meletakkan tanda pada ayat al-Quran yang sering saya lupa semasa *muraja’ah* hafazan al-Quran” (min=3.79), “saya akan berusaha menghabiskan ulangan hafazan al-Quran sebagaimana yang ditetapkan dalam sehari” (min=3.78), “saya berusaha untuk memahami makna bagi setiap ayat ulangan bagi memudahkan proses *muraja’ah* hafazan al-Quran” (min=3.74), “saya akan mencari kawan sebagai guru semakan *muraja’ah* al-Quran” (min=3.70), “saya akan *muraja’ah* hafazan al-Quran dengan guru mengikut jadual yang ditetapkan” (min=3.67), “tempoh untuk *muraja’ah* hafazan al-Quran dalam sehari selama lebih 1 jam” (min=3.67), “saya akan *muraja’ah* hafazan pada masa yang terluang” (min=3.66), “saya *muraja’ah* hafazan mengikut halaman” (min=3.64), “saya gemar *muraja’ah* hafazan al-Quran di rumah” (min=3.61), “saya *muraja’ah* hafazan al-Quran mengikut *mood*” (min=3.59), “saya *muraja’ah* hafazan mengikut maqra’ (min=3.56), “tempoh untuk *muraja’ah* al-Quran dalam sehari selama 1 jam” (min=3.48), “saya *muraja’ah* hafazan al-Quran di dalam solat” (min=3.47), “saya gemar *muraja’ah* hafazan al-Quran di surau atau masjid” (min=3.38).

Nilai min yang terendah ialah pada pernyataan ke 13 bahawa “tempoh untuk *muraja’ah* hafazan al-Quran dalam sehari selama 30 minit” (min=3.33). Seramai 7 orang pelajar (6.4%) menyatakan sangat tidak setuju, seramai 14 orang pelajar (12.7%) menyatakan tidak setuju, seramai orang pelajar 38 (34.5%) menyatakan kurang setuju, seramai 37 (33.6%) menyatakan setuju, seramai 14 (12.7%)menyatakan sangat setuju. Ini bermakna kesemua responden memerlukan masa yang melebihi 30 minit untuk *muraja’ah* hafazan al-Quran dalam sehari.

7.0 RUMUSAN DAN CADANGAN

Secara keseluruhannya, hasil daripada kajian ini dapat disimpulkan bahawa kebanyakan pelajar yang memilih program Tahfiz adalah pilihan diri sendiri walaupun ia agak mencabar. Hal ini kerana majoriti pelajar yang memilih program Tahfiz di MARSAH pernah menuntut ilmu di sekolah yang beraliran tahfiz dan telah menghafaz ayat-ayat suci al-Quran. Bagi pelajar yang tidak pernah belajar di sekolah yang mempunyai aliran tahfiz, tidak menjadi masalah yang besar kepada mereka kerana dapat meminta nasihat serta tunjuk ajar daripada sahabat handai. Oleh itu, para pelajar tersebut memegang tanggungjawab yang besar dalam kehidupan bagi menjaga setiap hafazan yang telah dihafaz di MARSAH.

Peratusan yang paling tinggi terhadap soalan yang dikemukakan pada soalan 4 iaitu masa yang sesuai untuk mengulang adalah pada awal pagi sebanyak 41.8% sangat setuju dengan pernyataan yang diberikan.

4. Masa yang sesuai untuk mengulang adalah pada awal pagi.	2.7%	0.9%	21.8%	32.7%	41.8%	4.10
	(3)	(1)	(24)	(36)	(46)	

Penguasaan dan pengulangan hafazan akan lebih cepat dan cerdas serta hafazannya juga akan lebih kuat pada awal pagi. Oleh itu, para huffaz digalakkan untuk bangun di awal pagi bagi memantapkan hafazan al-Quran. Di samping itu, para pelajar mestilah sentiasa mencari peluang dan ruang untuk mengulang hafazan walaupun sibuk dengan urusan lain. Sebagai contoh, hadir awal ke kelas sebelum sesi PdP bersama guru. Hal ini kerana masa yang terluang tidak dibazirkan begitu sahaja sekaligus banyak manfaat yang diperolehi. Seterusnya, mencari tempat yang sesuai



untuk mengulang hafazan al-Quran. Hal ini kerana persekitaran yang tenang dan bersih dapat menjadikan seseorang lebih fokus dalam membuat sesuatu perkara. Kenyataan ini juga disokong oleh Zainora bin Daud (2015), Wati Mohamad Marzuki Salim (2013), Wan Khalijah binti Wan Jusoh et.al. (2013) dan Eadil Bin Mat (2010). Sebagai contoh, mengulang hafazan di tempat yang tenang, sunyi daripada gangguan orang lain, di masjid atau tempat-tempat yang selesa dengan diri sendiri. Mereka juga mestilah sentiasa istiqamah dalam mengulang hafazan serta keikhlasan ketika menghafaz kerana ia menjamin keberkesanan dalam *muraja'ah* mereka.

8.0 PENUTUP

Sebagai kesimpulannya, kajian ini dapat dirumuskan bahawa pelajar Program Tahfiz al-Qur'an Wal Qiraat di MARSAH masih lagi di tahap yang sederhana dalam mengulang ayat-ayat al-Quran yang telah dihafaz. Para pelajar perlu berusaha dengan lebih gigih bagi mengekalkan hafazan al-Quran yang telah dihafaz daripada hilang begitu sahaja. Pengkaji menyimpulkan dapatan kajian bahawa para pelajar tidak mengambil berat tentang kaedah pengulangan hafazan al-Quran agar ia sentiasa mekar dalam ingatan mereka. Justuru itu, carilah cara dan masa yang paling sesuai dengan diri kita agar dapat melazimi bacaan hafazan ayat-ayat al-Quran.



RUJUKAN

- Abd Rahman Abd Ghani, Abdul Munir Ismail & Wahibah Twahir. (2017). Amalan hafazan al-Quran di darul quran JAKIM. *Jurnal Perspektif: Special Issue* 1. 125-135. Diakses dari: <https://ejournal.upsi.edu.my/index.php/PERS/article/view/1773>
- Al-Nawawi, Abu Zakariya Yahya bin Sharafuddin. (1991). *Al-Tibyan fi Adab Hamalah Al-Qur'an*. Beirut: Maktabah al-Muayyad.
- Azarudin Awang, and Azman Che Mat, and Ahmad Nazuki @ Marzuki Yaakub, (2011) Tahap pembacaan Al-Quran dalam kalangan pelajar di UITM Terengganu. *AJTLHE: ASEAN Journal of Teaching and Learning in Higher Education*, 3 (2). pp. 83-100. Diakses dari: <http://journalarticle.ukm.my/2317/>
- Eadil Bin Mat. (2010). Kelas khas kemahiran al-qur'an (kkq): kajian kaedah pelaksanaan dan keberkesanannya di sekolah-sekolah menengah (smk) di daerah gombak, selangor. Disertasi Sarjana Usuluddin. Jabatan Al-Qur'an Dan Al-Hadith. Akademi Pengajian Islam Universiti. Malaya Kuala Lumpur. Diakses dari: http://studentsrepo.um.edu.my/5331/1/semua_pdf.pdf
- Fatimah Zaharah Ismail, Nor Hafizi Yusof, Ahmad Farimin Ahmad Osman, Rahimah Embong, Najmiah Omar, Mohamed Fathy Mohamed Abdelgelil, Mariam Nabilah Mohd Noor, Mohd. A'tarahim Mohd. Razali, Rosmalizawati Abd. Rashid. (2020). Strategi murajaah al-quran bagi huffaz di peringkat tertiar. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 3(4): 177-189. Diakses dari: <https://bitarajournal.com/index.php/bitarajournal/article/view/165>
- M. Ilyas. (2020). Metode muraja'ah dalam menjaga hafalan al-qur'an. *Al-liqo: Jurnal Pendidikan Islam*. Vol. V, No. 1: 1-24. Diakses dari: <https://ejournal.stai-tbh.ac.id/index.php/al-liqo/article/view/140>
- Muhammad Syafee Salihin Hasan, Muhammad Fairuz A.Adi, Shaharuddin Saad. (2019). Aplikasi kaedah muraja'ah dalam kalangan guru tahfiz di selangor: satu analisis. *5th International Seminar on Islamiyyat Studies (IRSYAD 2019)*: 1062-1075. Diakses dari: <http://conference.kuis.edu.my/irsyad/images/e proceeding/2019/1064-irsyad-2019.pdf>
- Muhammad Syafee Salihin, Ikmal Zaidi Hashim, Nik Mohd Nabil Nik Hanafi, Fatin Nazmin Mansor dan Mawaddah Ahmad Mahi. (2018). Penghayatan muraja'ah al-quran dalam kalangan pelajar tahfiz al-quran dan al-qiraat kolej universiti islam antarabangsa selangor (KUIS). *5th International Research Management & Innovation Conference (5th IRMIC 2018)*. Diakses dari: <http://rmc.kuis.edu.my/irmic/wp-content/uploads/2018/09/FULL-PAPER-IRMIC-18SYAFEE-SALIHIN.pdf>
- Muhammad Toriq Bin Yaacob & Abdul Razak Bin Mohd Zain. (2018). Perkembangan tahfiz al-quran: suatu kajian di darul quran. *Kuala Kubu Bharu: Darul Quran*, JAKIM. Diakses dari: <http://www.darulquran.gov.my/xs/dl.php?filename=LAPORAN%20KAJIAN%20Perkembangan%20Tahfiz%20al-Quran%20Suatu%20Kajian%20di%20DQ.pdf>
- Nor Hafizi Yusof. (2020). Kaedah pintar murajaah al-qur'an: kajian di institusi pengajian tahfiz malaysia. *TAMADDUN: Jurnal Pendidikan dan Pemikiran Keagamaan*. Vol. 21.No. 2:219-230. Diakses dari: <http://journal.umg.ac.id/index.php/tamaddun/article/view/2118>
- Omar Mokti. (2014). Sejarah penubuhan maahad tahfiz al-quran wal-qiraat majlis agama islam negeri johor. *Buletin Kolej Pengajian Islam Johor (MARSAH) Edisi Ke-4*: 15-18. Diakses dari: <http://www.marsah.edu.my/v6/images/yootheme/muatturun/edisi4.pdf>
- Siti Suriyani Binti Sulaiman, Ahmad Yunus bin Kassim. (2018). Pelaksanaan hafazan dalam program ulul albab berdasarkan jantung dan kumpulan. *Indonesia Journal of Learning Education and Counseling*. Vol 1, No 1: 1-10. Diakses dari: <https://journal.ilinstitute.com/index.php/IJoLEC/article/view/22>



- Siti Suriyani Sulaiman. (2018). Kaedah hafazan: suatu tinjauan ringkas. *E-Journal of Islamic Thought and Understanding*. Bil. 1 Volume 2 Issue 1: 44-59. Diakses dari: <https://ir.uitm.edu.my/id/eprint/22536/>
- Wan Ahmad Zakry Wan Kamaruddin, Firdaus Khairi Abdul Kadir & Azman Che Mat. (2021). *Amalan Terbaik pengajaran dan pembelajaran hafazan al-quran dalam program ulul albab imtiaz. BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*. Vol. 4, Issue 1: 105-126. Diakses dari: <https://bitarajournal.com/index.php/bitarajournal/article/view/183>
- Wan Khalijah binti Wan Jusoh, Ahmad bin Hj. Abdul Rahman, Wan Nasruddin bin Wan Abdullah & Nur Hanisah binti Mohammad Nor Affandi. (2013). Kaedah menghafaz al-quran yang diaplikasi oleh para pelajar darul quran, JAKIM. *Jurnal KIAS*. Vol. VIII. Hal. 14-27. Diakses dari: <http://web.kias.edu.my/index.php/penerbitan/jurnal-terbitan-kias?layout=edit&id=101>
- Wati Mohamad dan Marzuki Salim. (2013). Pengamalan dan kesedaran pembacaan al-quran dalam kalangan pelajar baru politeknik kuala terengganu, terengganu. *Persidangan Pendidikan (Penyelidikan dan Inovasi) Dalam Pendidikan Dan Latihan Teknikal Dan Vokasional (CiE-TVET 2013)*. 260-278. Diakses dari: http://digilib.mercubuana.ac.id/manager/!@file_artikel_abstrak/Isi_Artikel_855751589348.pdf
- Yusri Bin Chek & Muhammad Toriq Bin Yaacob. (2016). Kajian tinjauan terhadap penjadualan kelas hafazan di pusat pengajian tahfiz. *Kuala Kubu Bharu: Darul Quran JAKIM*: 1-26. Diakses dari: <http://www.darulquran.gov.my/userfiles/file/Kajian.pdf>
- Zainora Daud, Hayati Binti Hussin, Muhammad Lukman Ibrahim, Abdul Rahim Bin Ahmad & Nurfatimah Mohd Dzahir. (2016). Penghayatan konsep hamlah al-quran dari perspektif adab dan akhlak dalam kalangan huffaz: satu kajian untuk pengukuhan hafazan. *Darul Quran, Jakim & Centre of Quranic Research (CQR)*. Memperkasa Generasi Al-Quran oleh Zulkifli Mohd Yakub Haji Mohd Yusoff & Nordin Ahmad: 202-217. Diakses dari: https://www.academia.edu/36310663/MEMEPERKASA_GENERASI_HAFAZ_AL_QURAN
- Zainora binti Daud. (2015). *Penilaian Pelaksanaan Kurikulum Qiraat Di Darul Quran Dan Ma'ahad Tahfiz Al-Qur'an Di Malaysia*. Tesis Phd Usuluddin. Kuala Lumpur: Universiti Malaya. Diakses dari: <http://studentsrepo.um.edu.my/5892/>